

Tapak warisan peringatan kepada rakyat kekalkan perpaduan

Berita HARAPAN (30/08/2021) 4/15/12



Oleh Prof Madya Dr Adnan Jusoh
bhrencana@bh.com.my

Tengah malam ini, ingatan kolektif rakyat pasti akan mengimbau laungan keramat diketuai bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka, disambut gemuruh kira-kira 20,000 rakyat meraikan suasana penuh gilang-gemilang. Laungan itu menjadi titik noktah kepada perjuangan panjang membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah.

Episod duka penjajahan negara kita bermula sejak kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada 1511, diikuti penjajah Belanda pada 1641. Nasib malang berterusan apabila tanah air jatuh ke tangan

British pada 1824 melalui Perjanjian Inggeris-Belanda.

Perjanjian Pangkor ditandatangani pada 1874 mengundang campur tangan Inggeris secara rasmi bermula di Perak, diikuti negeri lain di Tanah Melayu. Akhirnya seluruh negeri dikuasai penjajah dengan jumlah 446 tahun ekoran perpecahan rakyat.

Era perjuangan membebaskan tanah air dimulakan sejumlah perwira hebat dan berani. Antaranya, Tok Janggut, Datuk Bahaman, Mat Kilau, Abdul Rahman Limbong, Tengku Kudin, Tengku Mohamad Saat, Datuk Maharajalela dan Dol Said.

Perwira mengadakan jiwa raga semata-mata untuk membebaskan watan bagi membolehkan anak cucu dapat hidup aman. Perjuangan itu

kreaitif dan inovasi dalam pelbagai aspek. Sebagai bakal pemimpin negara kelak mereka perlu kental dalam menghadapi cabaran dunia semakin kompleks ini.

Tapak warisan juga bukti kewujudan institusi pemerintah pernah berkuasa di Tanah Melayu. Catatan sejarah merekodkan sejak awal abad Masihi, muncul beberapa kerajaan awal di Semenanjung Tanah Melayu, antaranya Kedah Tua, Gangga Negara, Langkasuka, Chi-tu dan Tan-Tan.

Selepas abad ke-15, muncul pula beberapa kerajaan lagi di Tanah Melayu, antaranya Melaka, Perak, Johor, Selangor dan Pahang. Setiap kerajaan diketuai seorang raja dengan dibantu pembesar yang dilantik untuk melancarkan pentadbiran.

Selepas mencapai kemerdekaan, institusi beraja masih terus bertahan dan diwarisi sembilan negeri di Semenanjung hingga kini. Dalam konteks ini, signifikan tapak warisan bersejarah dimanifestasikan menerusi tinggalan pusat pemerintahan Raja-Raja Melayu seperti tapak istana, kota atau makam diraja menjadi bukti sejarah sah.

Dengan adanya tinggalan tapak warisan terbabit, generasi muda dapat memahami kepentingan institusi beraja sebagai lambang kehebatan leluhur kita yang harus dipertahankan. Keruntuhan beberapa institusi beraja adalah disebabkan pelbagai konflik berpunca daripada rasa tidak puas hati dan dengki hingga mengundang campur tangan kuasa luar.

Justeru, demi untuk memastikan negara ini terus kekal aman dan damai, semua rakyat mesti bersatu padu dengan menumpahkan sepenuh taat

Kejatuhan kerajaan Melayu Melaka akibat sindrom perpecahan dan perebutan kuasa dalam kalangan pembesar Melayu ketika itu. Kesannya orang Melayu bukan sahaja gagal merampas kembali kekuasaan daripada penjajah Portugis, malah terus dihina apabila Melaka dikuasai pula oleh Belanda dan British.

Jadikanlah peristiwa kejatuhan kerajaan Melayu Melaka sebagai iktibar untuk diteladani bagi mengelakkan sejarah penguasaan oleh kuasa luar berulang lagi.

Tapak warisan juga bukti kehebatan dan pencapaian ketamadunan oleh leluhur kita sekitar abad ke-4 hingga ke-11. Ini dimanifestasikan melalui penemuan tapak candi Hindu Buddha di Lembah Bujang, Kedah yang menyaksikan ia pernah menjadi pusat pemerintahan, pelabuhan perdagangan dan penyebaran agama pada ketika itu.

Malah, kewujudan Lembah Bujang juga sering dikaitkan dengan kerajaan Kedah Tua yang pernah berkuasa di kawasan utara Semenanjung hingga ke Segenting Khra. Tinggalan monumen dan penemuan arkeologi di kawasan Lembah Bujang menjadi bukti kehebatan dan pencapaian tamadun leluhur kita yang patut dicontohi.

Tuntasnya, tapak warisan adalah peringatan kepada semua rakyat agar bersatu padu dan tidak berpecah belah, walaupun berbeza pandangan. Sementara itu, generasi muda pula sewajarnya berjiwa besar serta mempunyai keazaman kuat untuk bersaing pada peringkat global dalam pelbagai bidang bagi membuktikan kebolehan bangsa kita seperti ditunjukkan perwira tanah air dan leluhur kita suatu masa dahulu.

Pensyarah Kanan
di Fakulti Sains
Kemanusiaan,
Universiti
Pendidikan Sultan
Idris (UPSI)

dilalui penuh onak duri serta diiringi air mata dan darah.

Tidak dinafikan jasa perwira membebaskan tanah air tercinta ini sesetengahnya masih meninggalkan kesan hingga kini. Ia dimanifestasikan dalam bentuk tinggalan warisan iaitu tapak arkeologi, monumen, tapak atau bangunan bersejarah dan makam pejuang.

Dengan adanya tapak warisan, banyak iktibar boleh diambil sebagai teladan kepada warganegara sebagai pengisian kemerdekaan. Tanpa mengira latar belakang bangsa dan kepercayaan, kita sewajarnya menghindari sikap mementingkan diri sendiri atau prejudis terhadap orang lain.

Realitinya, tapak warisan menjadi bukti jerih payah dan pengorbanan perwira dalam membebaskan tanah air daripada belunggu penjajahan. Umpamanya, Kota Kuala Muda di Kedah menjadi saksi perjuangan orang Melayu dipimpin Tengku Kudin menentang penguasaan Siam pada 1831.

Di kota inilah, Tengku Kudin gugur syahid bersama-sama pejuang tempatan dalam mempertahankan tanah air menentang Siam. Kota ini juga menjadi saksi tragedi pembunuhan dan peperangan dalam mempertahankan ibu pertiwi.

Selain itu, Kota Johor Lama juga antara tapak warisan dapat dilihat hingga kini. Ia menjadi pusat pemerintahan dan kubu pertahanan kerajaan Melayu Johor ketika menghadapi kuasa luar seperti Portugis (Melaka) atau ancaman daripada kerajaan Aceh.

Begitu juga dengan Kota Lukut, Negeri Sembilan; Jugra, Selangor dan beberapa tapak lagi menjadi bukti pencapaian serta kehebatan orang Melayu dalam menghadapi ancaman musuh.

Dengan melawat tapak warisan bersejarah, ia akan menyedarkan generasi muda supaya sentiasa menghargai jasa dan sumbangan perwira untuk membebaskan tanah air daripada kuasa luar.

Generasi muda bukan hanya perlu berjiwa patriotik semata-mata, bahkan mesti mandiri,

bersatu padu dengan menubuhkan sepenin taat setia. Tapak warisan juga menjadi saksi jatuh banggunya sesebuah bangsa. Umpamanya kota A Famosa adalah bukti keruntuhan kerajaan Melayu Melaka kepada Portugis pada 1511. Runtuhan kota masih tersisa terbabit seumpama pusara kepada keruntuhan sebuah institusi beraja pernah menguasai empayar luas di Alam Melayu sekitar abad ke-14 hingga 15.

“ Jadikanlah peristiwa kejatuhan kerajaan Melayu Melaka sebagai iktibar untuk diteladani bagi mengelakkan sejarah penguasaan oleh kuasa luar berulang lagi

